

Wakil rakyat BN jangan sombong, riak: Pak Lah

Oleh Norbakti Alias, Johari Ibrahim dan Faiza Zainudin

ALOR STAR: Wakil rakyat Barisan Nasional (BN) jangan riak dan sombong dengan kejayaan besar parti dalam pilihan raya umum lalu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebaliknya Perdana Menteri mengingatkan mereka, mandat besar yang diperoleh pada pilihan raya umum lalu hendaklah disusuli dengan kerja kuat dan bersungguh-sungguh untuk membebela rakyat.

"Semua wakil rakyat BN yang dipilih mesti menyedari kejayaan besar berkenaan adalah amanah yang mesti dilaksanakan sebagai memenuhi janji ke arah membawa kebahagiaan kepada rakyat.

"Kita mesti buktikan yang kita orang beramanah, kerja kita mesti setimpal dengan sokongan besar rakyat kepada BN," katanya pada majlis kesyukuran BN Kedah di Stadium Sultan Abdul Halim di sini, semalam.

Majlis itu diadakan berikutan kejayaan besar BN Kedah memenangi 31 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri serta 14 daripada 15 kerusi Parlimen pada pilihan raya umum lalu.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Penerangan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Pengerusi MCA negeri, Datuk Beh Heng Seong; Pengerusi MIC negeri,

Datuk V Saravanan dan Pengerusi Gerakan negeri, Datuk Fong Chok Gin.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, kemenangan besar parti pada pilihan raya umum lalu adalah cabaran dan ujian kepada wakil rakyat BN untuk sama-sama memastikan agenda kerajaan dapat dicapai.

Katanya, kemenangan itu adalah kemenangan rakyat, hasil keyakinan mereka terhadap kemampuan parti dan kerana rakyat mahukan sesuatu daripada BN dalam mentadbir negara ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Beliau berkata, kemenangan pada pilihan raya adalah perkara lain tetapi perjuangan lebih besar yang menunggu wakil rakyat BN adalah membasmi kemiskinan.

"Ia memerlukan pengorbanan yang bersungguh-sungguh dan kita akan laksanakan program terbaik ke arah membasmi kemiskinan. Kerjasama padu diperlukan kerana kita tiada agenda lain melainkan membawa rakyat maju dan bahagia di dalam negara yang aman dan makmur," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan Malaysia mencapai status Negara Maju menjelang 2020, kerajaan perlu mengatasi segala masalah dan tenaga kerja yang besar.

"Kita perlukan kerjasama daripada semua pihak agar dapat mencapai kejayaan dan tiada agenda lain selain untuk masa depan di mana rakyat maju, negara makmur dan selamat," katanya.



ORANG ramai mengambil peluang bersalaman dengan Abdullah pada majlis kesyukuran kemenangan BN di Stadium Sultan Abdul Halim, Sukamenanti, semalam. - Gambar oleh Shahrizal Md Noor

Abdullah yang sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Exco kerajaan negeri, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri BN, berkata beliau mengingatkan semua

wakil rakyat bahawa mereka mewakili semua kaum, bukan untuk golongan tertentu.

"Kita semua adalah kerajaan rakyat Malaysia untuk Malaysia dan

perlu memusatkan perhatian untuk memajukan negara," katanya, yang turut mengucapkan tahniah kepada BN Kedah atas kejayaan besarnya pada pilihan raya umum lalu.